

# Kenyataan Dr. Mahathir tidak dilapor menyeluruh

Um - 1/6/2019 m/s. 43

**TEMERLOH 31 Mei** - Keputusan menyambung lesen operasi kilang memproses nadir bumi, Lynas Corporation Ltd. (Lynas) di Gebeng, Kuantan hanya dipertimbangkan sekiranya kilang berkenaan mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

Ahli Parlimen Bentong, Wong Tack yang mengetuai jawatankuasa bagi mengkaji semula projek Lynas menyifatkan wawancara Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Jepun semalam tidak laporkan secara menyeluruh sehingga membuatkan ia ditafsirkan seolah-olah kerajaan meluluskan lesen secara bulat-bulat.

“Walaupun beliau umum begitu tetapi bagi syarat juga, saya lihat video itu yang jelas beliau kata rundingan perlu diteruskan, jadi ia bukan keputusan muktamad tetapi bersyarat.

“Sebelum ini pun Dr. Mahathir pernah memberi dua syarat iaitu sisa buangan hendaklah dipulangkan yang menjadi komitmen Lynas dan kedua, Dr. Mahathir mahu bahan mentah yang diproses tidak boleh mengandungi bahan radioaktif,” katanya ke-



**WONG TACK**

pada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam pada itu, Tack berkata, sehingga kini Lynas dilihat masih gagal mengikut peraturan dan ketetapan ditetapkan termasuklah yang dimeterai dalam perjanjian.

Beliau mendakwa, Lynas bukan sahaja menyimpan sisa buangan secara terbuka tetapi juga mempunyai sisa buangan berjumlah 1.5 juta metrik tan berbanding hanya 20 tan yang dibenarkan mengikut peraturan.

“Bukan sahaja dia melanggar undang-undang tetapi tidak mematuhi perjanjian yang sepatutnya hantar balik sisa, kita bagi enam bulan mesti hantar balik sisa radioaktif sampai sekarang mereka mengelak tanggungjawab itu,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menafikan dakwaan sebuah portal berita yang menyatakan membuat pusingan U dengan menyokong bulat-bulat untuk meneruskan operasi Lynas.

Katanya, kenyataan beliau dimainkan dengan interpretasi yang salah oleh wartawan berkenaan berkemungkinan dengan niat tertentu.